

# CBP wakaf tanah kepada MAINPP

KDJA0

4/7/23

M/S:38

**PETALING JAYA** – Co-opbank Pertama (CBP) mewakafkan dua lot tanah seluas 0.7 hektar di Seberang Perai Utara kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

Dua lot tanah yang diwakafkan itu adalah tapak Masjid Jamek Nurul Iman, Kubang Menerong dan tapak Surau Ad Diniyah Kampung Lembah Raja di Pinang Tunggal.

Pengerusi CBP, Datuk Baharom Embi berkata, sumbangan wakaf berkenaan merupakan satu tanda ingatan CBP khususnya kepada penduduk di Pulau Pinang amnya dan kawasan Seberang Perai Utara.

“Antara kejayaan terbesar seawal penubuhan CBP ada-

lah membeli tanah seluas 2,743 hektar di kawasan Seberang Utara sekitar tahun 1950-an sebelum dijual semula kepada ahli-ahli yang berdaftar dengan CBP secara berperingkat di bawah Rancangan Tanah Kebun Bertam (RTKB).

“Ini secara tidak langsung membantu mereka mendapatkan pemilikan tanah yang kekal sehingga kini.

“CBP juga bersetuju untuk mewakafkan dua lot tanah di Kubang Menerong dan Kampung Lembah Raja yang merupakan tapak masjid dan surau untuk kegunaan penduduk setempat,” katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.



**BAHAROM** (dua dari kiri) pada majlis penyerahan geran tanah wakaf di di Seberang Perai baru-baru ini.